

Hadi perlu tarik balik fatwa kafirkan orang UMNO

UM 1-8 NOV 2003
ALOR STAR 17 NOV

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang perlu menarik balik fatwa 'mengkafirkan orang UMNO' terlebih dahulu sebelum mengajak semua presiden parti politik di negara ini membincangkan Dokumen Negara Islam Pas yang dilancarkan oleh parti itu Rabu lalu.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu tidak seharusnya bimbang untuk menggugurkan fatwa tersebut jika parti itu benar-benar ikhlas.

Menarik

"Saya minta Abdul Hadi menarik terlebih dahulu fatwanya yang mengkafirkan orang UMNO sebelum cadangan Dokumen Negara Islam Pas boleh dibincangkan," katanya selepas menghadiri majlis sambutan kepulangan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini.

Menurut Zainuddin, keikhlasan Pas penting bagi mengelakkan parti pembangkang itu terus menggunakan fatwa tersebut untuk menuduh UMNO tidak berpegang kepada akidah dan menentang Islam, sekiranya dokumen berkenaan ditolak.

"Ini amat perlu kerana Ketua Penerangan Pas yang baru, (Datuk) Dr. Harun Din dalam lidah rasmi parti itu juga telah mengatakan akan bertindak memberi penerangan kepada masyarakat bahawa UMNO parti yang menolak Islam," ujar beliau.

Zainuddin berkata, cadangan Pas itu tidak lebih daripada sebagai cuba mengaburi mata orang ramai sahaja.